

# MAJALAH SEBAGAI BAHAN BACAAN KANAK-KANAK: ANALISIS ELEMEN EDITORIAL TERHADAP *KUNTUM*, *E-BACA* DAN *ANA MUSLIM*

SITI EZALEILA MUSTAFA & SHAHRUL NAZMI SANNUSI

---

## ABSTRACT

### MAGAZINE AS CHILDREN READING MATERIAL: ANALYSIS OF EDITORIAL ELEMENTS ON *KUNTUM*, *E-BACA*, AND *ANA MUSLIM*

A lot of reading materials, including magazines, are targeted towards adults because of the purchasing power they have. However, the demand for reading materials for children is gaining much attention among publishers. In terms of markets, products for children have a lot more potential compared to other demographic groups. For McNeal (1999), the children market is a major one as they can spend money, or influence their parents to buy publications for their own needs via direct or indirect request. With a growing number of publications and a variety of magazines available in the market, it is important for publishers to adjust the content of their magazines to ensure a fit to the needs of this niche. What should be considered in the contents of a magazine for children? This article will discuss this issue with reference to three children magazines in Malaysia: *Kuntum*, *E-Baca* and *Ana Muslim*. Analysis of the content and elements contained therein identified the form and features of these magazines. Overall, children magazines available in the market contain cartoons, comics and colourful artwork in various columns and sections to encourage them to read and continue buying it.

**Keywords:** *periodical publication, magazine design, children literacy, Malaysia*

## PENGENALAN

Bahan bacaan sentiasa mendapat perhatian daripada golongan dewasa, terutama ibu bapa dan pendidik. Iri kerana bahan berkenaan perlu mengandungi informasi dan perlakuan yang dibenarkan oleh golongan dewasa yang menulis dan menerbitkannya. Majalah—dan bahan bacaan lain—yang sesuai dapat membantu mereka dalam perjuangan memenuhi keperluan bagi memperoleh keseimbangan antara *personal happiness* dengan *social approval* (Arbuthnot & Sutherland, 1972). Malah dengannya, seseorang kanak-kanak dapat “menerobos” keterbatasannya dan “memasuki” alam lain yang tidak pernah diketahuinya.

Oleh itu, kualiti sesuatu bahan bacaan perlu dititikberatkan bagi memupuk minat dan budaya amalan membaca golongan muda ini kerana itu akan mempengaruhi pembentukan minda mereka. Golongan muda ini lazimnya tidak akan membaca secara sukarela kecuali mereka berasa seronok dengan pengalaman membaca yang dilalui. Keseronokan itu akan menggalakkan mereka membaca secara berterusan tanpa dipaksa oleh sesiapa. Maka, orang dewasa seperti guru dan ibu bapa perlu mendedahkan bahan bacaan yang baik dan sesuai dengan keperluan dan minat seseorang kanak-kanak. Golongan muda ini perlu dikelilingi dengan pelbagai bahan bacaan, termasuk majalah.

## MAJALAH UNTUK KANAK-KANAK

Penerbitan majalah kebanyakannya disasarkan kepada orang dewasa kerana kuasa beli yang dimiliki mereka. Oleh sebab itu, banyak bahan bacaan berfokus pada golongan ini, termasuklah majalah. Jika dilihat di pasaran, jelas terdapat pelbagai majalah disasarkan kepada mereka, termasuklah majalah hiburan dan golongan wanita menjadi sasaran utama mereka. Namun, bahan bacaan untuk kanak-kanak semakin mendapat perhatian dalam kalangan penerbit kerana adanya permintaan, termasuk majalah. Di United Kingdom, majalah dan komik kanak-kanak berkembang dengan pesat dengan peningkatan 72 peratus dalam beberapa tahun kebelakangan ini dengan nilai pasaran sebanyak £136 juta setahun (Adams, 2008).

Majalah dilihat sebagai salah satu cara untuk menyuburkan minat membaca dalam diri kanak-kanak di samping menjadikan masa yang digunakan sebagai sesuatu yang positif. Ini kerana majalah memiliki keupayaan untuk "berkomunikasi" dengan keperluan kumpulan pembaca yang khusus, mengikat dengan mereka dengan pengalaman, kesetiaan dan jangkaan, dan bertindak balas dengan pantas terhadap trend budaya (Cullinan & Person 2005). Ini menyebabkan majalah dilihat sesuai bagi kanak-kanak dan juga dewasa. Ini penting kerana membaca bahan bacaan yang sesuai dapat memperkaya kehidupan kanak-kanak melalui pembangunan kognitif dan membantu mereka membina kemahiran berbahasa. Malah UNESCO berpendapat membaca akan membantu golongan ini membangunkan *sense of empowerment* di samping membangunkan kemahiran sosial dan komunikasi mereka.

Jika dilihat dari segi pasaran, produk untuk kanak-kanak seperti majalah sebenarnya mempunyai potensi yang sangat besar berbanding kumpulan demografi yang lain. Bagi McNeal (1999), kanak-kanak boleh menjadi pasaran utama bagi sesuatu produk dengan membelanjakan wang mereka sendiri terhadap keperluan dan kehendak sendiri. Mereka juga dilihat sebagai pasaran yang berpengaruh (*influence market*) yang menyebabkan ibu bapa berbelanja untuk memenuhi kehendak golongan ini melalui permintaan secara langsung mahupun sebaliknya. Malah ada kajian yang menunjukkan bahawa 48% ibu bapa membeli majalah kanak-kanak kerana diminta oleh anak-anak mereka (Galvin, 2009). Selain itu, golongan kanak-kanak juga boleh menjadi sebahagian pasaran untuk masa akan datang bagi sesuatu produk. Jika diberi perhatian dari awal, golongan ini akan menyediakan laluan stabil bagi pengguna baharu apabila mereka mencapai usia tertentu bagi sesuatu produk.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Malaysia (EPU), jumlah golongan muda ini (kanak-kanak dan remaja) mewakili hampir 42 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara yang hampir mencecah 30 juta orang. Ini merupakan pasaran yang agak besar yang berpotensi untuk diterokai oleh para penerbit tempatan, termasuk penerbit majalah, terutama dalam usaha menggalakkan pembacaan dalam kalangan golongan muda ini sehingga mereka dewasa. Malah menurut Ng (2005), penerbitan untuk

kanak-kanak dianggap paling selamat dan *reliable* selain pasaran bagi bahan pendidikan. Oleh sebab itu, 80% ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) menerbitkan bahan untuk kanak-kanak dan pendidikan sebagai salah satu aktiviti utama mereka.

**Jadual 1:** Jumlah kanak-kanak dan remaja di Malaysia, 2010

Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
0-4	1,697,493	1,594,323	3,291,816
5-9	1,572,444	1,476,676	3,049,120
10-14	1,453,857	1,370,250	2,824,107
15-19	1,362,728	1,283,407	2,646,135

\* Unjuran penduduk berdasarkan Banci Penduduk 2010

Sumber: [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my)

Namun, penerbit perlu memahami keperluan golongan muda ini. Kandungan bahan bacaan yang sesuai, termasuk majalah, amat diperlukan dalam usaha membentuk keperibadian dan keintelektualannya kerana pada ketika inilah kanak-kanak mula mengenali diri dan keadaan sekeliling mereka. Sifat dan daya berfikir mereka yang jauh berbeza daripada golongan dewasa menyebabkan bahan bacaan untuk mereka juga berbeza. Oleh itu, pihak yang terlibat dalam penghasilan bahan bacaan kanak-kanak perlu mengetahui dan memahami keperluan—sama ada dari segi emosi maupun fizikal—golongan muda ini.

## MAJALAH DAN KANAK-KANAK

Sesebuah majalah tidak akan mengandungi semua perkara dan menghidangkannya kepada semua orang. Bahan bacaan ini menyasarkan “niche” tertentu yang khusus. Begitu juga dengan penerbitan majalah kanak-kanak. Penerbit atau editor perlu mengetahui khalayak mereka dan ciri-ciri mereka dengan tepat untuk memastikan majalah mereka berjaya di pasaran memandangkan kelakuan, kebolehan dan keupayaan membaca, dan minat golongan muda ini berbeza-beza mengikut peringkat umur. Setiap peringkat mempunyai ciri-ciri psikologi dan perkembangan sosial yang berbeza.

Bagi Hurlock (1978), secara umumnya, perkembangan sosial kanak-kanak terbahagi kepada tiga peringkat seperti berikut:

- **Peringkat bayi (0–2 tahun)**

Kanak-kanak pada peringkat ini sudah boleh bekerjasama dalam apa-apa aktiviti mudah dan permainan di samping mula membuat penyesuaian untuk bermain dalam permainan yang mudah dengan kanak-kanak lain.

- **Peringkat kanak-kanak awal (2–6 tahun)**

Mereka lebih suka bermain bersama-sama rakan sebaya dan keinginan mereka untuk bebas atau berdikari mulai berkembang. Pada usia empat hingga lima tahun, mereka sudah mula menguasai bahasa dengan baik dan menyukai aktiviti yang berbentuk fantasi. Perasaan ingin tahu mula timbul dalam diri mereka ketika ini.

- **Peringkat kanak-kanak akhir (6–12 tahun)**

Lazimnya mereka telah bersekolah dan berpeluang berhubung dengan lebih ramai kanak-kanak lain. Mereka mula membentuk kumpulan khas yang dipanggil *gang age* yang menjadi kumpulan tetap mereka untuk bermain. Selain itu, daya kreatif dan kerajinannya juga meningkat pada peringkat ini. Mereka akan belajar untuk tidak bergantung pada orang dewasa, belajar bekerjasama dan mempelajari tingkah laku sosial yang diterima oleh kumpulan sosialnya.

Kanak-kanak sebenarnya sudah boleh mula didedahkan dengan bahan yang khusus ditujukan kepada mereka pada usia seawal tiga hingga tujuh tahun, dan ini dipersetujui oleh golongan pendidik yang menyatakan bahawa aktiviti literasi perlu bermula di rumah dan pada usia yang muda (Little & Box, 2002). Malah, aktiviti literasi perlu berlaku secara konsisten, terutama semasa tahap pembangunan bahasa, iaitu ketika kanak-kanak berusia dua hingga empat tahun. Menurut Pusat Kebangsaan Statistik Pendidikan, Amerika Syarikat, kanak-kanak yang membaca di rumah mempunyai kadar kejayaan yang tinggi di sekolah dan mereka yang membaca secara kerap dapat membangunkan kemahiran membaca yang lebih baik ([www.nea.org](http://www.nea.org)). Oleh sebab itu, walaupun dengan berkembangnya pelbagai jenis media dan pelbagai bentuk alat digital yang disasarkan kepada golongan muda ini, bahan bercetak seperti majalah masih mempunyai permintaan kerana fizikalnya ia memudahkan perkongsian antara kanak-kanak itu sendiri yang gemar belajar dan bermain bersama rakan dan ibu bapa mereka.

Othman Puteh (1980) menggolongkan kanak-kanak kepada beberapa peringkat berdasarkan umur, jantina, latar belakang sosial, ekonomi, kebudayaan, kemahiran dan segala hal yang berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak itu sendiri. Sebagai kriteria utama, kanak-kanak dibahagikan mengikut peringkat umur tertentu, iaitu antara 0–6 tahun dan 7–12 tahun. Peringkat umur kanak-kanak yang dipecahkan oleh Unit Buku Kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula ialah antara 0–4 tahun, 5–6 tahun, 7–9 tahun, dan 10–12 tahun.

Dari sudut persekolahan, kanak-kanak dibahagikan kepada peringkat prasekolah dan sekolah rendah. Bagi Gates (1986), kanak-kanak prasekolah dibahagikan kepada kanak-kanak berusia 2–4 tahun yang dikenali sebagai “prapembaca” dan kanak-kanak yang berusia antara 5–6 tahun yang dikenali sebagai “pembaca awal”. Selepas daripada peringkat ini ialah kanak-kanak sekolah rendah yang terbahagi kepada dua tahap, iaitu tahap pertama yang meliputi usia 7–9 tahun dan tahap kedua yang meliputi usia 10–12 tahun. Jelas bahawa wujud perbezaan dalam pembahagian peringkat umur kanak-kanak.

Untuk memudahkan pihak-pihak yang terlibat dengan kanak-kanak dalam proses pemilihan bahan bacaan yang sesuai, secara umumnya kanak-kanak dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan umur seperti yang berikut:

- **Kanak-kanak prasekolah (0–6 tahun)**

Kanak-kanak pada peringkat umur ini belum lagi mempunyai fikiran yang kritis untuk memahami sebab dan akibat atau cara dan tujuan. Pengetahuan mereka tentang kenyataan adalah sangat sederhana. Mereka gemar akan bahan yang memaparkan objek-objek yang biasa dengannya dan menggambarkan pengalaman yang menyeronokkan.

- **Kanak-kanak pada tahap awal persekolahan (6–8 tahun)**

Kanak-kanak yang berada pada peringkat umur ini mempunyai sifat ingin tahu dan mereka juga sudah mula mengerti serba sedikit apa-apa yang dibicarakan oleh orang

dewasa. Pengetahuannya semakin berkembang dan sudah mula belajar membaca dan tatabahasa lisannya sudah agak luas. Bahan bacaan bergambar yang mengandungi jalan cerita yang kukuh dan watak yang membina sesuai untuk kumpulan ini. Kanak-kanak sudah boleh didedahkan dengan bahan yang mengandungi informasi untuk menggalakkan mereka membaca tentang topik yang diminati dan menjawab sebarang kemesyikan mereka tentang subjek yang rumit.

- **Kanak-kanak yang lebih berusia (9–12 tahun)**

Pada peringkat ini, mereka mempunyai daya imaginasi yang semakin berkembang dan mereka seronok dengannya. Kanak-kanak lelaki dan perempuan sudah mula menunjukkan minat yang berbeza: kanak-kanak perempuan lebih berminat kepada alam persekolahan, kisah binatang, fantasi, dan sejarah, manakala kanak-kanak lelaki pula lebih menggemari kisah pengembawaan, cerita lucu, dan bahan yang berkaitan dengan subjek hobi, saintifik dan teknikal.

Pemahaman tentang golongan sasaran ini akan memudahkan penghasilan bahan bacaan yang sesuai untuk mereka. Ini juga membantu usaha menjadikan aktiviti pembacaan sesebuah majalah sesuatu yang menyeronokkan dengan format yang menarik dan mengandungi perkara-perkara tertentu yang merupakan minat mereka. Kajian daripada Organisation for Economic Co-operation and Development (dlm. Clark & Rumbold, 2006) menunjukkan bahawa keseronokan membaca adalah lebih penting bagi kejayaan pendidikan kanak-kanak berbanding status sosioekonomi keluarga. Apabila sesebuah majalah sesuai dengan seseorang kanak-kanak, majalah itu akan menjadi salah satu faktor kepadanya menjadi pembaca yang bersemangat.

## **MAJALAH SEBAGAI BAHAN BACAAN KANAK-KANAK**

Di Malaysia, bahan bacaan untuk kanak-kanak telah diterbitkan sejak akhbar dan majalah muncul di negara ini. Bahan bacaan untuk mereka lazimnya terdapat dalam ruangan-ruangan tetap sesebuah majalah umum yang disasarkan kepada golongan dewasa. Namun, ketika itu, pembaca bahan-bahan ini sering kali bertindan, iaitu antara kanak-kanak dengan remaja, kerana tiadanya garis yang jelas oleh penerbit berkenaan batasan usia kedua-dua kelompok pembaca itu. Tambahan pula, penerbit lebih mengutamakan jumlah pembaca sebanyak mungkin bagi meningkatkan jumlah edaran majalah masing-masing.

Namun, majalah merupakan salah satu bentuk bahan bacaan berkala yang sentiasa berubah dan berkembang. Daripada untuk bacaan umum, majalah kemudian menyaksikan pengkhususan dari segi kandungannya mahupun khalayaknya. Ciri ini turut dinyatakan oleh Johnson dan Prijatel (1999) bagi membezakan majalah dengan media lain seperti akhbar atau buku. Selain itu, majalah juga mempunyai ciri berikut: liputannya yang lebih mendalam dan tidak ketinggalan zaman (*timelessness*), mengandungi interpretasi dan pendapat, konsisten, dan melibatkan pengkhususan kandungan dan khalayak.

Oleh itu, majalah yang dikhususkan untuk golongan muda juga banyak muncul sejak dahulu lagi, selain majalah umum. Sejak sebelum merdeka, penerbit sering bertegas dalam menegakkan idealisme dan dasar editorialnya dari segi kandungan dengan mementingkan kemajuan ilmu di samping menolak sesuatu yang melanggar batasan susila. Di samping itu, unsur pendidikan juga dititikberatkan dengan adanya ruangan seperti motivasi, aktiviti pelajar, komik, dan ruangan pendidikan seperti dalam *Pelajar, Penuntut, dan Siswa*. Ini penting

kerana bahan bacaan dianggap wahana pembentukan personaliti, psikologi, kerohanian, dan pengisian minda (Alimah & Mohd Syarif 2001) di samping alat hiburan dan pendidikan yang mampu memberi kesan dan pengaruh kuat terhadap pembacanya.

Majalah juga boleh menjadi tambahan yang bagus sebagai bahan bacaan di sekolah dan di rumah disebabkan beberapa sebab berikut ([www.thebookchook.com](http://www.thebookchook.com)):

- Yang menarik ialah formatnya. Unsur teksnya tidak begitu panjang, malah dipenuhi dengan cerita dan artikel pendek, kotak-kotak teks dengan poin penting, ilustrasi berserta kapsyen. Format sebegini lebih menarik perhatian dan sesuai bagi kanak-kanak pada peringkat awal pembacaannya.
- Adalah penting untuk mendedahkan kanak-kanak kepada bahan bacaan yang pelbagai. Dalam majalah, ini boleh ditemui kerana media ini lazimnya memuatkan artikel yang menambah pengetahuan dan minat pembaca muda ini dalam pelbagai topik di samping pelbagai jenis teks—naratif, renungan, resipi—yang semuanya disasarkan pada minat mereka.
- Merupakan alat yang baik bagi mengajar kanak-kanak tentang element literasi visual kerana majalah memuatkan pelbagai bentuk grafik seperti jadual, peta, ilustrasi, graf, carta, label, kartun, dan diagram. Membincangkan maklumat daripada elemen-elemen ini dan cara mereka menyampaikannya boleh menjadi sebahagian aktiviti yang boleh dilakukan bersama kanak-kanak.

Kajian oleh Pomerantz (1986) turut menunjukkan bahawa majalah juga boleh digunakan di dalam bilik darjah oleh para guru sebagai alat pendidikan yang berkesan kerana apabila didedahkan dengan majalah popular alam semula jadi (*Ranger Rick*) selama tiga bulan, pengetahuan kanak-kanak didapati dalam persekitaran dan haiwan liar. Oleh sebab itu, ada majalah yang dilanggan oleh perpustakaan sekolah dan digunakan sebagai bahan tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana—seperti menurut Tunnell dan Jacobs (2008)—menawarkan maklumat terkini dan segar tentang kebanyakan subjek di samping memaparkan pelbagai sudut pandangan berkaitan topik-topik khusus. Malah, ada antaranya membantu dan memperkuat kurikulum sekolah. Selain itu, reka letak dan foto yang menarik serta tidak mendesak menarik perhatian dan minat pembaca muda, terutama mereka yang tidak gemar membaca buku.

## **ANALISIS KANDUNGAN MAJALAH KUNTUM, E-BACA DAN ANA MUSLIM**

Majalah kanak-kanak di Malaysia kebanyakannya berbentuk penerbitan komersial yang boleh diperoleh di kedai mahupun melalui langganan. Umumnya, majalah kanak-kanak yang diterbitkan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu majalah komik dan majalah pendidikan. Kebanyakan kedua-dua jenis majalah yang dikhususkan untuk golongan muda ini mempunyai nilai pendidikan dan berunsur didaktik dalam kandungannya. Dahulu, majalah yang disasarkan kepada kanak-kanak amat terhad berbeza dengan sekarang yang menyaksikan lebih banyak pilihan dan disasarkan kepada kelompok tertentu dengan minat yang pelbagai.

Walau bagaimanapun, elemen editorialnya masih menjadi tumpuan utama. Oleh itu, aspek kandungan terus menjadi aspek yang paling dititikberatkan dalam penerbitan sesebuah bahan bacaan, termasuk majalah. Selain itu, aspek bahasa juga diberi perhatian kerana bahasa bukan sekadar alat komunikasi sosial, tetapi alat membentuk, membina,

merakamkan, menyampaikan dan memperkasakan fikiran, budaya dan tamadun bangsa. Maka penggunaan bahasa yang betul menjadi antara kriteria penting memandangkan ia asas yang mendukung konsep isi bacaan atau makna yang hendak disampaikan. Bagi Norhidayyu (2012), kedua-dua aspek ini, bahasa dan kandungan tidak boleh diasingkan. Majalah yang menekankan kedua-dua aspek penting ini dalam editorialnya akan dapat memberikan impak pada pembaca mudanya dalam merangsang minat mereka.

### **Kuntum**

Majalah *Kuntum* yang diterbitkan oleh Star Publication (M) Berhad sejak Februari 1980 masih kekal hingga kini. Versi dalam talianya boleh diakses di [www.ekuntum.com.my](http://www.ekuntum.com.my). Majalah bulanan dwibahasa ini disasarkan kepada golongan kanak-kanak yang berusia tujuh hingga 12 tahun. *Kuntum* membawa maksud kudup bunga yang belum mekar—sesuai menggambarkan generasi kanak-kanak yang muda dan agresif serta mempunyai visi dan masa depan yang cerah. Idea asal penerbitan majalah *Kuntum* adalah sebagai satu bentuk strategi *corporate social responsibility* (CSR) bagi syarikat penerbit, dan dijual kepada pelajar sekolah pada harga RM2.00. Walau bagaimanapun, akibat peningkatan kos percetakan serta perubahan tumpuk kepimpinan Star Publication (M) Berhad pada tahun 2010, harga majalah ini telah dinaikkan kepada RM3.00 senaskhah.

Majalah yang kini dipimpin oleh Asma Saad selaku editor, turut digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dengan tujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak Malaysia dalam pelbagai bidang, di samping menggalakkan minat membaca, *Kuntum* turut melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dengan pelajar dan sekolah di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti tersebut turut disiarkan dalam majalah ini di ruangan Buletin *Kuntum* dan Album Sekolah.

Dengan moto “Mendidik Sambil Menghibur”, kandungan dalam *Kuntum* boleh dikategorikan kepada lima bahagian utama: Sudut Pengetahuan, Ruangan Pembaca, Bimbingan UPSR, Komik dan Cereka, dan Alam Ria. Bahagian Sudut Pengetahuan memuatkan pelbagai tulisan yang dapat menambahkan ilmu dan pengetahuan am pembaca, termasuklah rencana utama (*main cover line*). Selain itu, terdapat juga ruangan Tahukah Anda?, Sejarah dan Peristiwa, dan Aneh Tapi Benar yang memuatkan artikel ringkas berkaitan informasi yang mampu menarik minat pembaca muda yang sentiasa ingin tahu. Malah, pelajar turut disajikan dengan informasi berkaitan kesihatan di Jom Sihat!; pekerjaan di Skop Kerjaya, adab dan budaya di Inilah Budaya Kita dan Yang Molek Itu Budi. Selain itu, pembaca juga boleh memperkuuh kemahiran berbahasa mereka dengan adanya ruangan Kata Orang Tua-tua yang memuatkan perumpamaan atau peribahasa.

Untuk menarik perhatian pembaca sasarannya, elemen hiburan dan aktiviti mudah disediakan dalam bahagian Komik dan Cereka, Alam Ria, dan Bimbingan UPSR. Komik dan Cereka memuatkan cerita-cerita pendek atau bersiri yang penuh dengan unsur pengajaran dan teladan sesuai dengan sifat dan sikap kanak-kanak yang masih memerlukan bimbingan. Melalui bahagian Alam Ria, kanak-kanak boleh menguji minda mereka dalam subjek sains, matematik, dan bahasa Inggeris di samping bermain dan mencuba apa-apa yang dimuatkan dalam Resipi Lazat dan Sihat dan Menduga Akal. Pelajar yang akan menghadapi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pula boleh memperoleh tips dan melakukan latihan melalui Bimbingan UPSR yang disediakan.

### Jadual 2: Kandungan yang terdapat dalam *Kuntum*

Kategori	Ruangan
Sudut Pengetahuan	Buletin Pilihan, Rencana Utama, Tahukah Anda, Aneh Tapi Benar, Rencah Kehidupan Pelajar, Inilah Budaya Kita, Skop Kerjaya, Jom Sihat!, Terima Kasih Tuhanku, Sejarah dan Peristiwa, yang Molek Itu Budi, Kata Orang Tua-Tua.
Bimbingan UPSR	Tips Pelajar Cemerlang, Mathematics, English, Science, Bahasa Malaysia
Komik dan Cerea	Story Made-in Malaysia, Komik Citam dan Cikus, Citra Peribahasa, Cerita Teladan, Komik Si Pintar
Alam Ria	Resipi Lazat dan Sihat, Menduga Akal, English is Fun, Science is Simple, Maths is Easy
Ruangan Pembaca	Karya Anda, Surat Anda, Tell Us A Story, Album Sekolah, Anda tanya Kaunselor Jawab, Penyair Muda, Jom Makan Angin!, Lakar dan Warna, Rakan Kuntum

Kanak-kanak juga boleh menjadi sebahagian daripada warga *Kuntum* dengan menghantar karya mereka seperti cerpen, puisi, atau lukisan untuk disiarkan di Karya Anda, Tell us A Story, Penyair Muda, dan Lakar dan Warna. Selain itu, *Kuntum* menyediakan ruangan Anda Tanya Kaunselor Jawab bagi pembaca yang memerlukan khidmat nasihat dan Surat Anda untuk pembaca mengemukakan apa-apa pertanyaan atau pendapat berkenaan majalah ini. Seperti kebanyakan majalah kanak-kanak dahulu, majalah ini memberi peluang kepada pembacanya untuk berkenalan dengan pembaca lain dengan menjadi Rakan Kuntum.

Yang menariknya, sisipan yang diberi nama Kuntum Dalam Darjah (KDD) turut disediakan untuk kegunaan para guru. Sisipan dengan slogan “Kreatif, Interaktif, Ceria” yang memuatkan latihan untuk pelbagai mata pelajaran seperti Kajian Tempatan, Pendidikan Kesihatan, Kemahiran Hidup, bahasa Melayu, dan Pendidikan Sivik ini boleh digunakan sebagai sebahagian aktiviti pengajaran mereka.

### E-Baca

*E-Baca*, terbitan Kumpulan Karangkraf juga merupakan majalah dwibahasa, iaitu menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk kandungannya. Majalah ini diterbitkan bagi memenuhi kehendak pelajar yang berusia antara tujuh hingga 12 tahun yang dahaga akan ilmu. Selain menyajikan pelbagai artikel berpengetahuan, majalah ini turut menyelitkan soalan-soalan panduan untuk mereka yang akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di sisipan Skor UPSRnya.

Dengan moto “Learning is Fun”, majalah ini diterbitkan untuk menyampaikan maklumat dan ilmu dengan cara yang menyeronokkan melalui ruangan-ruangan yang disediakan dengan bantuan elemen visual yang berwarna-warni. Kebanyakan artikelnya pendek-pendek dengan poin-poin penting bagi memudahkan pembacaan dan pemahaman pembaca mudanya dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi dalam ruangan Gajet & Games, Celik IT, dan Saya Sihat di samping panduan yang boleh digunakan dalam kehidupan pembacanya seperti Tip Adam & Zetty, Menginjak Remaja, dan Ad-Din di samping ruangan Murid Wawasan yang memaparkan kisah pelajar yang boleh dijadikan contoh atau idola.

**Jadual 3:** Kandungan yang terdapat dalam *E-Baca*

Kategori	Ruangan
Umum	Peribahasa Adam & Zetty, Tip Adam & Zetty Murid Wawasan, Nak Kak Ana Bantu, Saya Sihat, Sekolahku, Menginjak remaja, Inspirasi Kerjaya, Gajet & Games, Celik IT, Jom Buat Sendiri, Alahai, Mari Belajar Bahasa, Apa Kata Kamu, Karyaku, Mari Melukis Bersama
English Section	Mysterious World, Backyard Science, Short Story, Wonderful facts, Exploring origins
Pasti Sukses UPSR	Skor A, Murid Bijak, Tip Belajar, Motivasi, Hala Tuju Selepas UPSR
Ruangan Agama	Tanya ustazah Sakinah, Ad-Din, Doa Harian
Komik & Cerpen E-Baca	Kisah 1001 Malam, Cerpen, Komik Bersiri, SUPERTOTS Mini Comic, Comel & Iyo

Menyedari bahawa kanak-kanak merupakan golongan yang sentiasa mahu mencuba dan mempelajari sesuatu yang baharu, *E-Baca* menyediakan beberapa ruangan untuk itu seperti kerja tangan dalam Jom Buat Sendiri, cara melukis dalam Mari Melukis Bersama, bahasa asing dalam Mari Belajar Bahasa, dan uji kaji mudah dalam Backyard Science. Informasi menarik juga ditawarkan kepada para pembacanya yang sentiasa ingin tahu melalui ruangan Mysterious World, Wonderful Facts, dan Exploring Origins. Melalui ruangan ini, pengetahuan am dan kemahiran bahasa Inggeris golongan sasar juga mampu ditingkatkan.

Seperti kebanyakan majalah lain, komik dan cerpen turut disajikan sebagai sebahagian bahan elemen hiburan di samping pendidikan untuk menggalakkan kanak-kanak mengisi masa mereka dengan aktiviti membaca seperti yang disediakan dalam ruangan Kisah 1001 Malam, Short Story, Cerpen, dan Komik Bersiri. Pasti Sukses UPSR pula menawarkan pembacanya dengan tip dan informasi semasa belajar atau mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan melalui beberapa ruangan seperti Skor A, Rahsia Murid Bijak, Tip belajar, dan Motivasi. Malah, golongan muda ini juga didedahkan pada pelbagai pilihan selepas peperiksaan di Hala Tuju Selepas UPSR dan pekerjaan melalui ruangan Inspirasi Kerjaya.

Pembaca majalah ini juga boleh menjadi Sahabat e-baca dan berkenalan dengan yang lain di samping mengirimkan karya mereka untuk disiarkan di ruangan Alahai, Apa kata Kamu, dan Karyaku. Selain itu, mereka turut boleh mendapatkan khidmat nasihat di Ruangan Nak Kak Ana Bantu dan Tanya Ustazah Sakinah. Malah, dengan perkembangan penggunaan laman jaringan sosial Facebook, majalah ini turut memuatkan ruangan facebook@e-baca yang membolehkan pembacanya bersahabat dengan ramai orang.

Jelas disini juga dapat dilihat tentang fokus majalah *E Baca* ini adalah untuk menghidangkan artikel bercorak informasi semasa kepada pembaca. Selain itu majalah ini juga member peluang kepada pembaca yang ingin menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Keadaan ini dapat dilihat dengan kewujudan sisipan khas berbahasa Inggeris khusus menyelitkan rencana-rencana bercorak pengetahuan semasa dan dunia sains.

**Ana Muslim**

*Ana Muslim*, yang mula diterbitkan oleh Blue-T Publication Sdn. Bhd. pada Mei 1998, lebih berkonsepkan keislaman dan berwarna-warni bagi mendidik kanak-kanak ke arah pembentukan jati diri, keluhuran budi pekerti dan kecerdasan minda. Selain *Ana Muslim*,

Blue-T Publication turut menerbitkan majalah *Sayang Muslim* (disasarkan pada kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun) dan *Adik Muslim* (disasarkan pada pelajar berusia tujuh hingga 9 tahun) dengan konsep yang sama. Majalah bulanan ini, yang dikhurasukan kepada pembaca yang berumur 14 tahun ke bawah, menyokong dan menjadi bahan sokongan program j-QAF (Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab & Fardu Ain) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dengan slogan "Membentuk Peribadi Mulia", majalah ini menyajikan bahan bacaan yang dipetik daripada sumber al-Quran, membentuk peribadi mulia, dan menyelitkan elemen tambahan yang menyuntik semangat membaca dalam kalangan pembacanya. Selain itu, *Ana Muslim* menggunakan konsep komik pendidikan, iaitu menggunakan lukisan kartun atau komik untuk menyampaikan ilmu dan pendidikan supaya lebih mudah diterima oleh kanak-kanak. Unsur kemasyarakatan dan nilai-nilai murni diterapkan dalam siri komiknya seperti Ana Solehah, Rajawali F.C, dan Satria Bulan Bintang melalui penampilan watak yang menggunakan wajah dan imej Islam yang sopan. Ruangan lain juga menggunakan kartun dalam menyampaikan mesej pendidikannya seperti Adab dan Doa, Selamat Pagi Cikgu, Dongeng Haiwan, dan Nilai Murni.

**Jadual 4:** Kandungan yang terdapat dalam *Ana Muslim*

Kategori	Ruangan
Komik Bersiri	Ana Solehah, Rajawali Jr, Im & Net, Sateria Bulan Bintang
Cerita Pendek	Pada Suatu Hari, Kisah menakjubkan dalam Quran, Islam Agamaku, Ana Novela, Story Teller
Pendidikan	Asmaul Husna, Bijak Jawi, Pengukuhan J-QAF, Animal Planet with Sinoki, Human Body, Allah Maha Besar
Ruangan Pembaca	123 Senyum! Seniman Kecil, Surat Pembaca, Soal Jawab bersama Ustaz
Aktiviti	Origami, Fun Games & Puzzles, Uji Minda, Misi Mencari
Lain-lain	Permata Ana Muslim, Kelab Sahabat, Berita Ana Muslim

Bahan sokongan untuk program J-QAF boleh didapati dalam ruangan Rasulullah Kekasihku, Permata Syurga, dan Ana Wa Anta. Ruangan ini disampaikan dengan menggunakan cerita pendek bersumberkan al-Quran dan konsep kartun bagi menarik minat kanak-kanak. Seperti majalah kanak-kanak lain di pasaran, *Ana Muslim* juga memuatkan latihan, kuiz, dan permainan yang menguji minta khalayaknya di samping merangsang penjanaan kemahiran berfikir golongan muda dalam ruangan seperti Misi Mencari, Uji Minda, Fun Games & Puzzle, dan Origami. Mereka boleh melakukan aktiviti yang disediakan bersama rakan-rakan mahupun ibu bapa.

Kandungan majalah ini juga menerapkan subjek Sains, Matematik, dan Bahasa Inggeris melalui beberapa segmen yang disediakan. Antaranya Human Body, Misi Mencari, dan Animal Planet with Sinoki. Selain membaca, kanak-kanak atau pembaca juga boleh memberi sumbangan untuk majalah ini dengan mengirimkan hasil lukisan mereka untuk Seniman Kecil, gambar atau foto ke 123 Senyum! di samping mengirim pertanyaan atau pendapat ke ruangan Surat Pembaca serta mendapatkan khidmat nasihat melalui ruangan Soal Jawab bersama Ustaz.

## PERBINCANGAN

Majalah merupakan media bercetak yang terdiri daripada gabungan teks dan gambar. Oleh itu, untuk kanak-kanak, ia merupakan medium yang sesuai untuk merangsang minda mereka kerana di dalamnya terdapat pelbagai jenis kandungan dan ruangan. Ketiga-tiga majalah yang dikaji—*Kuntum*, *E-Baca*, dan *Ana Muslim*—menawarkan kandungan atau editorial yang hampir sama. Misalnya, ruangan seperti cerpen kanak-kanak, kisah bergambar, komik bermanfaat, serta aktiviti yang menguji minda seperti teka silang kata, mencari benda tersembunyi di samping kerja atau kraf tangan. Ini merupakan salah satu kaedah penggalakan membaca secara tidak langsung. Tambahan pula, dengan paparan halaman berwarna-warni dan ilustrasi yang menarik, kanak-kanak akan menjadi leka apabila menatap majalah kesukaan mereka.

Memandangkan ketiga-tiganya disasarkan kepada pelajar, masing-masing cuba menawarkan manfaat tambahan. *E-Baca* menawarkan contoh soalan-soalan UPSR berserta jawapannya dalam sisipan Skor UPSR manakala *Kuntum* menawarkan bahan pengajaran untuk para guru menerusi sisipan Kuntum Dalam Kelas. *Ana Muslim* yang memberi penekanan kepada pendidikan Islam pula memuatkan bahan bacaan bagi pengukuhan J-QAF menerusi cerita pendek bersumberkan al-Quran dan komik berwarna bagi para pembaca kecilnya. Selain itu, *Kuntum* dan *E-baca* turut berusaha merapatkan hubungan dengan pembacanya dengan menyiaran aktiviti yang berlaku di sekolah-sekolah seluruh Malaysia di samping mengadakan program promosi atau aktiviti di sana.

Ketiga-tiga majalah tersebut turut menyediakan ruangan kelab sahabat/peminat masing-masing bagi membolehkan pembacanya berkenalan dan melakukan aktiviti bersama. Kanak-kanak atau pembaca juga boleh menjadi penyumbang dengan mengirimkan karya seperti cerpen dan puisi untuk Karya Anda dan Penyair Muda di *Kuntum*, pengalaman yang tidak dapat dilupakan untuk Alahai di *E-Baca*, atau lukisan dan foto istimewa untuk ruangan 123 Senyum! dalam *Ana Muslim*. Cara sebegini sesuai untuk khalayak sasaran mereka yang sentiasa ingin mencuba dan menunjukkan kemampuan mereka kepada orang lain. Tambahan pula, seperti yang dikatakan Hurlock (1978), daya kreatif dan kerajinan golongan ini sedang meningkat pada usia sedemikian.

Majalah dan halaman-halaman editorialnya yang merupakan tawaran utama sesebuah majalah perlu saling selari. Oleh itu, semua kandungannya perlu sesuai dengan khalayak sasaran sesebuah majalah sama ada dari segi bahan tulisan, gaya penulisan mahupun grafiknya. Oleh sebab itu, editor majalah sering melihat pembacanya sebagai sebahagian komuniti. Ini kerana pembaca akan menentukan kejayaan sesebuah majalah. Pembaca akan mempunyai rasa kepemilikan terhadap majalah yang diminatinya dan sentiasa mahu mendapatkan keluaran seterusnya atau melanggannya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, jelas bahawa ketiga-tiga majalah ini dilihat menawarkan editorial yang hampir sama seperti informasi, pendidikan, dan ruangan untuk pembaca. Ini menunjukkan penerbit sentiasa peka dan mengikuti cita rasa dan kehendak semasa pembaca. Malah, pemfokusan yang dilakukan pada khalayak yang agak spesifik memudahkan usaha penerbit untuk memasarkan majalah terbitan mereka kepada golongan yang disasarkan. Ini penting bagi memastikan penerbit memahami pembaca sasarnya serta dapat memberi fokus pada keinginan semasa pembaca mereka di samping memudahkan strategi promosi dan pemasaran.

## RUJUKAN

- Adam, S. 2008. Children's comics make a comeback thank to spin-offs from TV shows like Dr Woo. *The Telegraph*. 25 November. [www.telegraph.co.uk/news/3519575/Childrens-comics-make-a-comeback-thanks-to-spin-offs-from-TV-shows-like-Dr-Who.html](http://www.telegraph.co.uk/news/3519575/Childrens-comics-make-a-comeback-thanks-to-spin-offs-from-TV-shows-like-Dr-Who.html)
- Alimah Salam & Mohd Sharif Mohd Saad. 2001. Pengisian dan pengukuhan sastera kanak-kanak dan remaja: peranan dan cabaran perpustakaan. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. Anjuran Bahagian Kesusteraan Moden, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 26-27 April.
- Arbuthnot, M. H. & Z. Sutherland. 1972. *Children and Book*. Edisi ke-4. London: Scott, Foresman and Company.
- Clark, C. & K. Rumbold. 2006. Reading for pleasure: a research overview. National Literacy Trust. November. [www.literacytrust.org.uk/research/nlt\\_research/271\\_reading\\_for\\_pleasure\\_a\\_research\\_overview](http://www.literacytrust.org.uk/research/nlt_research/271_reading_for_pleasure_a_research_overview). (Diakses pada 26 Oktober 20012)
- Children's literacy. 2011. The Book Chook. 26 September. <http://www.thebookchook.com/2011/09/childrens-literacy-magazines.html> (Diakses pada 26 Oktober 2012)
- Cullinan, B. E. & D. G. Person. 2005. *Continuum Encyclopedia of Children's Literature*. US: Continuum Internation Publishing Group.
- Galvin, S. 2009. How does recession affect the children's magazine market? *Newsline*. 17 Februari. [mediatel.co.uk/newsline/2009/02/17/how-does-recession-affect-the-childrens-magazine-market/](http://mediatel.co.uk/newsline/2009/02/17/how-does-recession-affect-the-childrens-magazine-market/) (diakses pada 25 Mei 2012)
- Gates, F. 1986. *How to Write, Illustrate, and Design Children's Book*. New York: Lyod-Simone Publishing Company.
- Hurlock, E. B. 1978. *Child Development*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Jonhson, S. & P. Prijatel 2007. *The Magazine from Cover to Cover: Inside a Dynamic Industry*. Edisi ke-2. Oxford: Oxford University Press.
- Little, D. C. & J. A. Box. 2002. Developing early reading and writing skills of young children: a program for parents. *Reading Improvement*. 39 (2): 97–100.
- McNeal, J. U. 1999. *The Kids Market: Myths And Realities*. Paramount Market Publishing.
- National Education Association. t.t. Facts about chhildren's literature. NEA. <http://www.nea.org/grants/13662.htm>. (Diakses pada 21 Oktober 2012)
- Ng Tieh Chuan. 2005. Trends in Malaysian book publishing. Malaysian Book Publishers Association at the Round Table Forum ASEAN Publishing Trend, Queen Sirikit National Convention Center, Bangkok, Thailand, 26 Mac.
- Norhidayyu Zainal. 2012. Menggarap bahan bacaan kanak-kanak. *Berita Harian Online*. 13 Mac,Othman Puteh. 1980. Buku-buku khusus untuk kanak-kanak dan sekolah Rendah. Kertas kerja Seminar Penulisan, Penilaian dan Penerbitan Buku-buku, 15-18 September.
- Pomerantz, G. 2010. Environmental education tools for elementary schoolchildren: the use of a popular children's. *Journal of Environmental Education*, 17 (4): 17–22.
- Roosfa Hashim. 2004. Bentuk-bentuk budaya asing dalam majalah dan komik remaja di pasaran tempatan. Kertas kerja dalam Seminar Antarabangsa Nilai dan Komuniti Pasca Modenisma, 6 September.
- Tunnell, M. O. & J. S. Jacobs. 2008. *Children's Literature, Briefly*. New York: Pearson Merrill Prentice Hall.